

# Terima akreditasi penuh

**BATU PAHAT** – Program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mendapat akreditasi penuh tanpa syarat selama lima tahun oleh Chartered Institute of Building (CIOB), United Kingdom.

Program pengajian itu di bawah urus selia Jabatan Pengurusan Pembinaan (JPP) Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) universiti berkenaan.

Menurut kenyataan media dikeluarkan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, program berkenaan diakreditasi seorang panel akreditasi CIOB dari UK dan tiga lagi dari Malaysia.

Katanya, akreditasi CIOB bertujuan menilai kekuatan program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) untuk mendapat



**Kemudahan bangunan untuk penuntut program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan), UTHM.**

pengiktirafan seterusnya di peringkat antarabangsa.

“Terdapat empat aspek dinilai iaitu melibatkan penilaian sistem pengurusan program.

“Aspek kedua penilaian terhadap staf akademik dan staf sokongan yang membantu perlaksanaan program ini.

“Aspek ketiga adalah penilaian terhadap tahap pem-

belajaran pelajar,” katanya.

Menurutnya, aspek keempat ialah kemudahan dan fasiliti terdapat di FPTP.

Tambahnya, pengiktirafan akreditasi kepada program itu menjadikannya satu pengiktirafan antarabangsa, khususnya berkaitan kekuatan dan kualiti struktur kurikulum program serta staf di bawah JPP.